



KATEDRAL ST. JOSEPH

Notis Gereja

HARI MINGGU PASKA KE-6

~ 25 Mei 2025 ~

Tel.: 082-423424

Laman Web: stjosephkuching.org

E-mel: sjcoffice@yahoo.com.my

KUTIPAN KEDUA minggu ini adalah untuk **Tabung Pembangunan**.

DOA ROSARI HARIAN akan diadakan seperti berikut dalam bulan Mei:

- **Hujung Minggu:** Setengah jam sebelum Misa Senja Sabtu & Misa-Misa Ahad di Katedral.
- **Isnin - Khamis:** 8:00 pm di 'Shrine of Our Lady', Katedral.
- **Jumaat:** 7:00 pm di 'Carmelite Chapel' sebelum Saat Teduh biasa pada 7:30 pm.

PERHIMPUNAN DOA KARISMATIK akan dikendalikan oleh Komuniti Perjanjian Karismatik Katolik Bread of Life (BoL) **Ahad ini, 7:30 pm hingga 9:30 pm** di Chapel Harian. Semua digalakkan hadir untuk menyokong usaha pewartaan ini dan jemputlah rakan-rakan anda.

KURSUS PERSIAPAN PERKAHWINAN SMART LOVING ENGAGED DALAM TALIAN akan diadakan dalam **Inggeris** pada **8 Ahad berturut-turut** dari **8 Jun hingga 27 Julai**. **Pendaftaran dibuka dari 1 hingga 26 Mei** ATAU apabila mencapai had maksimum 40 pasangan (*mana yang terlebih dahulu*). Yuran pendaftaran adalah **RM80 setiap pasangan** (*termasuk buku kerja Smart Loving yang boleh diambil di Pejabat Paroki St. Joseph selepas pendaftaran*). Pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan di Gereja dijemput untuk daftar kursus ini melalui pautan berikut: <https://kuchingcatholic.org/directories/marriage-preparation-course-smart-loving/>

HARI RAYA KENAIKAN TUHAN jatuh pada Khamis, **29 Mei**. Hari tersebut adalah **Hari Suci Wajib**. Misa Kudus akan diraikan pada masa seperti berikut:

Tarikh	Tempat	Masa (Bahasa)
Misa Senja Rabu, 28 Mei	Katedral	6:00 pm (Mandarin) <i>Misa harian 5:30 pm akan dibatalkan.</i>
		8:00 pm (Inggeris) <i>Bacaan Doa Rosari akan bermula 7:30 pm di Katedral (BUKAN 8:00 pm di ‘Shrine of Our Lady’)</i>
Misa Hari Raya Khamis, 29 Mei	Chapel Carmelite	7:00 am (Inggeris)
	Katedral	7:00 am* (Inggeris)
		9:00 am (Inggeris)
		5:30 pm (Inggeris)
		7:30 pm (Malaysia) <i>Bacaan Doa Rosari akan bermula 7:30 pm di Katedral (BUKAN 8:00 pm di ‘Shrine of Our Lady’)</i>

***Misa Siaran Langsung**

Pejabat Paroki dan Pusat Kaunseling SJC akan **DITUTUP** pada **Hari Raya Kenaikan Tuhan**. Bagi panggilan sakit semasa cuti umum dan selepas waktu pejabat, sila hubungi 016-8922633. Pada waktu pejabat biasa, sila hubungi Pejabat Paroki pada 082-423424.

PENUTUPAN DEVOSI ROSARI BULAN MEI akan diadakan pada Jumaat depan, **30 Mei selepas Misa Harian 5:30 pm** di Katedral dengan doa Rosari di ‘Shrine of Our Lady’. Semua dijemput hadir!

“体育，用其普世性的语言
可以在各不同文化和宗教的人与民族之间
建造起友谊与团结互助的桥梁。”
(教宗方济各，2022年2月2日)

6月7日
7.00am-1.00pm

三合兴小学

报名表格

如有任何疑问，请联络：
KAYC - Sing 011 7257 3262
圣若瑟总主教座堂 - Jeffery Goh 016 854 0811
圣体堂 - Melissa 011 1052 7338
圣三堂 - Vincent 016 850 4248
圣心堂&圣马尔古堂 - Jeffery Ting 016 589 6589
圣亚纳堂 - Joanne 013 800 0517

报名费：RM20
截止日期：30/5/2025
有兴趣捐者请联络 KAYC

HARI SUKAN BELIA CINA: 'PERMAINAN SOTONG - DI MANA KESENANGAN DAN IMAN BERGABUNG' akan dianjurkan oleh Komisen Belia Keuskupan Agung Kuching (KAYC) dengan kerjasama pelbagai kumpulan belia berbahasa Cina bertujuan untuk memupuk persahabatan dan solidariti di kalangan ahli paroki. Acara ini akan diadakan pada Sabtu, **7 Jun, 7:00 am - 1:00 pm** di SJK(C) Sam Hap Hin, Kota Sentosa.

Yuran pendaftaran adalah RM20 seorang (*termasuk makan tengah hari dan hadiah*). Bagi mereka yang berminat, boleh daftar dengan mengimbas kod QR selewat-lewatnya pada Jumaat, **30 Mei**. Belia berusia 12 hingga 30 tahun dijemput untuk menyertai keseronokan ini! Untuk maklumat lanjut, sila hubungi KAYC: 011-72573262 ATAU hubungi pemimpin belia paroki anda.

KURSUS PERSIAPAN PERKAHWINAN (*hanya untuk umat Paroki Keuskupan Agung Kuching*) akan diadakan seperti berikut:

TEMPOH PENDAFTARAN	TARIKH KURSUS	BAHASA	TEMPAT
5 - 30 Mei	21, 22, 28, 29 Jun & 13 Julai	Inggeris	Dewan Persidangan St. Mary, Aras 2, A.C.C.P.C.
5 Mei - 20 Jun	5, 6 & 27 Julai	Malaysia	Dewan Persidangan St. Rose, Aras 2, A.C.C.P.C.

Pasangan yang merancang untuk berkahwin dinasihatkan untuk menghadiri kursus ini sekurang-kurangnya enam bulan (*sebaik-baiknya lebih daripada 6 bulan*) sebelum perkahwinan gereja dirancang mereka. Yuran pendaftaran adalah **RM200 setiap pasangan** (*termasuk makan tengah hari / minum petang dan buku*). Tempoh pendaftaran adalah seperti di atas ATAU apabila kapasiti maksimum untuk setiap sesi tercapai (*mana yang terlebih dahulu*). Sila daftar awal melalui pautan ini: <https://sites.google.com/view/sjc-marriage-prep-course/home>

MINISTRI LITURGI SABDA KANAK-KANAK MISA SENJA akan ditangguhkan sempena perayaan Gawai pada Sabtu, **31 Mei**. Sesi akan disambung semula pada **7 Jun**.

RAYUAN KEMANUSIAAN SELURUH NEGARA BAGI MANGSA GEMPA BUMI DI MYANMAR & THAILAND - Umat paroki boleh terus menyumbang kepada Tabung Bantuan ini sehingga **31 Mei** dengan membuat **sumbangan tunai di Pejabat Paroki SJC ATAU pemindahan dalam talian** melalui kod QR yang disediakan ATAU terus ke akaun **Bank RHB** seperti berikut:

Nama Akaun: **Caritas Malaysia**
Nombor Akaun: **20708200054188**
Rujukan: **"CaritasMy Myanmar Relief"**

Makluman: Sila e-melkan slip pemindahan anda ke info@caritas.org.my

Selain itu, semua orang yang beriman digalakkan untuk berdoa dengan sungguh-sungguh bagi para mangsa dan keluarga mereka, bagi semua petugas bantuan dan sukarelawan, dan terutamanya bagi mereka yang menderita dalam kesunyian dan keputusan. Sebagai peziarah harapan, marilah kita membawa terang Kristus kepada mereka yang berada dalam kegelapan. Semoga kemurahan hati kita menjadi satu kesaksian hidup akan kerahiman Bapa di Syurga dan kesatuan dalam Tubuh Kristus.



TARIKH TUTUP: SABTU DEPAN, 31 MEI 2025



Catholic Bishops' Conference of Malaysia (CBCM)

Pastoral Letter on Earthquake in Myanmar and Regional Solidarity Appeal

Dear Brothers and Sisters in Christ,

Peace be with you

It is with a heavy heart that I write to you following the recent and devastating earthquake that struck Myanmar and Thailand. The destruction has been extensive – especially in Myanmar, where thousands have lost their lives, countless more have been injured or displaced, and entire communities, including Catholic parishes and missions, have been reduced to rubble.

In the face of such suffering and devastation, we, the Church in Malaysia, is called to respond – not only with compassion and prayers but with concrete acts of solidarity and hope. Let us unite our hearts with the people of Myanmar and Thailand during this painful time. Let us remember them in our prayers and respond generously to their urgent needs.

A Nationwide Humanitarian Appeal from 26th April – 31st May 2025

The Catholic Bishops' Conference of Malaysia (CBCM) is launching a nationwide humanitarian appeal, and we invite all faithful – clergy, religious, and laity – to participate in the following ways:

**1. Donate to special 2nd Collection on weekend of *Divine Mercy Sunday*
26th -27th April 2025**

2. Ongoing Donations until 31st May 2025

Additional donations can be made through:

- **Parish Offices:** Cash donations may be handed in at any parish office. These will be channelled to Caritas Malaysia.
- **Online Transfers:**

☒ **Duit Now QR code.**

☒ **Account Name: Caritas Malaysia**

Bank: RHB Bank

Branch: No. 380-A, Jalan Burma, 10350 Georgetown, Pulau Pinang

Account Number: 20708200054188

SWIFT Code: RHBBMYKL

Reference: "CaritasMy Myanmar Relief"

Notification: Kindly email your transfer slip to info@caritas.org.my

HUMANITARIAN HELP FOR MYANMAR EARTHQUAKE RELIEF

The Catholic Bishops' Conference of Malaysia (CBCM) has initiated a nationwide humanitarian appeal to support victims of the recent earthquake that struck Myanmar. This effort aims to provide essential aid and assistance to those affected by the disaster.

The bishops are appealing for contributions towards long-term recovery and rebuilding efforts.

A donation campaign has been launched by Caritas Malaysia - the social mission arm of CBCM - which engages in works of integral human development, charity, relief, care for creation and social services.



Donations can be made online to Caritas Malaysia / RHB Bank • AC No: 20708200054188
Reference: "CaritasMy Myanmar Relief" or via designated church collections/parish offices until
May 31st, 2025.



ARCHDIOCESE OF KUCHING PILGRIM'S PASSPORT 2025

As an official pilgrimage centre of the Archdiocese of Kuching,
St. Joseph's Cathedral welcomes you to deepen your faith,
encounter God, and walk as a Pilgrim of Hope.



1. Collect a passport here if you don't have one. *(Love offering appreciated)*
2. Use the stamp provided to mark your passport.
3. Keep your passport safe as a record of your pilgrimage journey.



This passport accompanies you on your Jubilee 2025 pilgrimage—a journey of faith, renewal, and encounter.
As a Pilgrim of Hope, may it guide you in embracing God's mercy, deepening your trust in His promises,
and sharing His love with the world.

TAHUN JUBLI HARAPAN 2025 - PASPORT PENZIARAH KEUSKUPAN AGUNG KUCHING
boleh didapati di Pintu Suci untuk umat paroki dan penziarah yang melawat Katedral. **Pasport Penziarah** adalah panduan doa untuk penziarah merakamkan lawatan mereka ke pelbagai pusat ziarah di Keuskupan Agung (*menggunakan cop yang disediakan*). **Kotak Permohonan Doa** disediakan untuk penziarah menyerahkan niat doa peribadi mereka. Penziarah juga digalakkan untuk menyokong Katedral melalui **Kotak Persembahan Kasih** yang terletak di pintu utama (*berhampiran Pintu Suci*).

CUTI UMUM YANG DIGAZETKAN - Pejabat Paroki dan Pusat Kaunseling SJC akan **ditutup** pada 2 hingga 4 & 7 Jun.

Untuk panggilan kecemasan kepada pesakit semasa cuti umum dan di luar waktu pejabat, sila hubungi 016-8922633. Semasa waktu pejabat biasa, sila hubungi Pejabat Paroki di 082-423424.



**TUN TAN CHENG LOCK
COLLEGE OF NURSING
ASSUNTA HOSPITAL**
DK071(B)



3

**TAHUN
SEPENUH
MASA**



**ELAUN
BULANAN
MENARIK
SEHINGGA:**

**RM
1300**

DIPLOMA KEJURURAWATAN KEMASUKAN: 1st JULAI & 6th OKT 2025

	SABAH	SARAWAK
Tarikh	13.6.2025 (Jumaat)	14.6.2025 (Sabtu)
Masa	11.00am - 1.00pm	10.00am - 1.00pm
Lokasi	Sacred Heart Parish Centre Kota Kinabalu, Sabah	St John & Lucy Conference Hall, 2nd Floor Archdiocesan Curia Cathedral Pastoral Centre (ACCPC), St Joseph's Cathedral Kuching Sarawak.

- Belajar kejururawatan secara percuma
- SPM (atau setaraf) dengan sekurang-kurangnya 5 kredit termasuk BM, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan satu mata pelajaran lain
- Pekerjaan Terjamin di Hospital Assunta (*Terma dan syarat dikenakan)



Daftar Sekarang!

melalui laman web atau hantarkan emel kepada kami

Untuk maklumat lanjut, Sila hubungi

☎ 03 78723000

☎ 011 5646 1642

🌐 www.assuntnacollege.edu.my

✉ ttcl@assunta.com.my



R3/0913/4/0002 (MQA/FA7201) 03/26

KOLEJ KEJURURAWATAN TUN TAN CHENG LOCK (*yang juga dikenali sebagai Assunta College of Nursing*), terletak di Petaling Jaya, Selangor. Kolej ini berdedikasi untuk menyediakan pendidikan dan latihan yang menyeluruh kepada para pelajar yang berhasrat untuk menjadi jururawat profesional yang kompeten dan beretika. Pada masa ini, mereka menawarkan **BIASISWA** kepada calon-calon yang layak untuk mengikuti program **Diploma Kejururawatan** selama tiga tahun.

*Dua pensijilan yang ditawarkan adalah **Diploma Kejururawatan** dan **Kursus Pengkhususan (Kursus Pasca Asas)**, dengan **elaun bulanan RM1,300**. Calon-calon yang terpilih akan berpeluang melanjutkan Kursus Pasca Asas dalam pelbagai bidang kejururawatan setelah berkhidmat lebih daripada dua tahun di Hospital Assunta. Pengambilan baharu akan bermula pada **1 Julai** dan **6 Oktober 2025** masing-masing. Calon yang berminat boleh membuat permohonan melalui laman web kolej: <https://assuntacollege.edu.my>*

Pasukan pengambilan Assunta akan berada di Kuching pada Sabtu, **14 Jun, 10:00 am hingga 1:00 pm** di Dewan Persidangan St. John & St. Lucy, Aras 2, A.C.C.P.C. untuk menjalankan temuduga secara 'walk-in'.

PENDAFTARAN DALAM TALIAN UNTUK PERMOHONAN MISA (MO) & MISA ARWAH GABUNGAN (CRM) - Umat paroki kini boleh menawarkan Misa dalam talian melalui pautan berikut:

Jenis Misa	Pautan
Permohonan Misa (MO)	https://forms.gle/APkbscLMAG2Bcd7F9
Misa Arwah Gabungan (CRM)	https://forms.gle/yNixf4JrhMN61Z9h9

Untuk menawarkan Misa, umat paroki boleh melayari laman web Paroki kita: <https://stjosephkuching.org>. Sekiranya anda menghadapi sebarang kesukaran untuk daftar menggunakan pautan di atas, sila emel pertanyaan anda ke sjcoffice@yahoo.com.my dan staf pentadbiran kami akan membantu secepat mungkin.

Permohonan Misa (MO) akan dirayakan oleh paderi di paroki secara peribadi setiap hari kecuali Ahad. *Apa-apa permintaan untuk misa bagi doa permohonan anda pada tarikh yang 'tertentu' hendaklah dihantar kepada Pejabat Paroki **sekurang-kurangnya satu minggu lebih awal**. Jika tidak, doa permohonan anda akan dirayakan pada bila-bila masa (mengikut budi bicara paderi kami).*

Permohonan untuk **Misa Arwah Gabungan (CRM) Jun** akan dirayakan pada Jumaat, **20 Jun**. Sila hantarkan borang CRM anda berserta bukti pembayaran selewat-lewatnya pada Khamis, **19 Jun sebelum 12:00 tengah hari**.

Nota: Pembayaran (wang) yang diberikan oleh umat Kristian untuk Misa yang akan ditawarkan bagi tujuan yang khusus bukannya yuran tetapi sebagai tanda kesyukuran kita kepada Allah dan sumbangan kita kepada Gereja. Resit rasmi akan dikeluarkan oleh Pejabat Paroki sewajarnya.



KHIDMAT PENGEBUMIAN KATOLIK - 'Catholic Mutual Benefit Society' (CMBS)

Keuskupan Agung Kuching menyediakan bantuan kepada keluarga yang berduka pada masa kematian. Perkhidmatan mereka termasuk memberi nasihat mengenai ritual Kristian, plot tanah perkuburan, kolumbarium, keranda, pengangkutan, pengurusan bagi Misa pengebumian, doa untuk orang yang telah meninggal, dll..

Untuk maklumat lanjut mengenai keahlian atau semasa memerlukan/berkabung, **umat Katolik dinasihatkan untuk menghubungi yang berikut untuk mendapatkan bantuan** bagi mengelakkan kerumitan dan kekeliruan berkaitan upacara dan perkhidmatan pengebumian Katolik:

Pejabat CMBS: Beatrice Mary Goh (Tel: 082-244493)
'On-call': Christopher Chin (Hp: 019-8563438)

讲座一：牧民拜访技巧

探访除了祈祷和念玫瑰经，
你知道其实还要懂得说话技巧吗？

27/6/25 (星期五) 7:30pm-9:30pm
圣若瑟总主教座堂牧灵中心讲堂

讲座二：重建亲密家庭关系

住在同一屋檐下，但缺沟通倒像共住一屋
的租户，问题在哪里呢？

28/6/25 (星期六) 2:30pm-4:30pm
BDC圣体堂蔡钦友礼堂

讲座三：陪伴哀伤与失落者

面对经历生命中创痛的对象，
一句我了解你的痛苦，就能让对方释怀吗？

1/7/25 (星期二) 7:30pm-9:30pm
七哩圣心堂小教堂



心理健康讲座

27.6.2025 - 1.7.2025

古晋总教区华语教务协进会主催
圣体堂 圣若瑟 圣心堂华语联委会联办



蔡钊发神父

加影圣家堂副本堂
精英大学心理谘商心理学硕士
罗马圣多玛斯大学灵修学硕士及牧民神学硕士
吉隆坡总教区心理健康事工教会助理/神师
心旅驿站执行长
马来西亚执照与注册谘商心理师/督导

SIRI CERAMAH KESIHATAN MENTAL DALAM BAHASA MANDARIN akan dianjurkan seperti berikut oleh Persatuan Apostolat Cina Keuskupan Agung Kuching untuk memperkasa dan membimbing umat paroki dengan pengetahuan asas untuk mendampingi mereka yang terdedah dan patah hati di kalangan kita.

Penceramah ialah Rev. Fr. Philip Chua dari Gereja Holy Family, Kajang. Fr. Chua- Kaunselor berdaftar dan bertauliah di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia, turut memiliki Licentiate dalam Teologi Suci (Universiti Angelicum) dan Ijazah Sarjana dalam Teologi Pastoral.

Tarikh	Masa	Tempat	Topik
Jumaat, 27 Jun	7:30 pm - 9:30 pm	Auditorium Mater Domini, Aras 2, A.C.C.P.C	Berjalan Bersama: Kemahiran Penjagaan Pastoral
Sabtu, 28 Jun	2:30 pm - 4:30 pm	Dewan Fr. Dato Lawrence Chua, Gereja Blessed Sacrament, BDC	Memupuk Hubungan Keluarga yang Sihat & Kesejahteraan Mental
Selasa, 1 Julai	7:30 pm - 9:30 pm	Gereja Sacred Heart, Kota Sentosa	Memahami dan Menangani Dukacita & Kehilangan

Semua dijemput hadir! Pendaftaran tidak diperlukan.



OTHONIA



ATENEUM
PONTIFICIO
REGINA
APOSTOLORUM

WHO IS THE MAN OF THE SHROUD?



Some believe he's Jesus of Nazareth. Others are skeptical. Some don't know what to think.
WHAT CAN SCRIPTURE AND SCIENCE REVEAL ABOUT THE SHROUD OF TURIN?
STEP INSIDE, GATHER THE EVIDENCE, AND REFLECT ON JESUS' QUESTION:
WHO DO YOU SAY THAT I AM?

COME AND JOIN US AT ST. JOSEPH'S CATHEDRAL FOR
TWO INSPIRING EVENINGS



ARCHBISHOP EMERITUS JOHN HA

7 JULY 2025 | 7:30PM

FROM THE SWADDLING CLOTHS IN
THE MANGER TO THE LINEN CLOTHS
IN THE TOMB



SCAN HERE



FR. ANDREW DALTON, LC

8 JULY 2025 | 7:30PM

DISCOVER THE MYSTERY OF THE
SHROUD OF TURIN AND FACE THE
QUESTION: WHO DO YOU SAY THAT I AM?

"For God so loved the world that he
gave his only Son... not to condemn
the world, but to save it." (John
3:16-17)

Out of love, Jesus came as a child in
swaddling cloths, laid in a manger.
Rejected and crucified, He was laid
in a tomb, wrapped in linen. But He
rose again—leaving the cloths
behind—securing eternal life for all.

A JUBILEE YEAR INITIATIVE IN
COLLABORATION WITH OTHONIA

Fr. Andrew Dalton, a Catholic priest of
the Legionaries of Christ and professor
at the Pontifical Athenaeum Regina
Apostolorum in Rome, is currently
traveling the world giving lectures on
the Shroud.

We are blessed to welcome him to
Kuching. His talks beautifully blend
theology, science, and archaeology.

CONTACT MS. BERNADINE SAMMY



+6019-226 2758



KUCHING.APC@GMAIL.COM

“SIAPAKAH LELAKI DI DALAM KAIN KAFAN?” merupakan satu pengalaman pencerahan dua malam pada **7 & 8 Julai, 7:30 pm** di Katedral. Acara ini bertujuan untuk memperdalam pemahaman kita tentang **misi penyelamatan Yesus Kristus** serta mengupas **misteri Kain Kafan Turin** yang mengagumkan. Ini merupakan inisiatif Tahun Jubli dalam kerjasama bersama Othonia, sebahagian daripada Institut Sains dan Iman di Athenaeum Kepausan Regina Apostolorum di Rom.

Pendaftaran adalah percuma dan mereka yang berminat boleh mengimbas kod QR untuk daftar. Tarikh tutup pendaftaran adalah Isnin, **30 Jun**. Semua dijemput hadir!

TAJAAN PELAJAR 2026 UNTUK SEKOLAH SWASTA ST. JOSEPH - Pelajar Tahun Enam pada tahun ini dijemput untuk memohon. Pendapatan isi rumah bulanan mestilah tidak melebihi **RM5,250**. Biasiswa ini merangkumi yuran sekolah, elaun, pakaian seragam, dan buku teks secara pinjaman mulai Tingkatan Satu pada tahun akademik 2026. Borang permohonan boleh didapati di Pejabat Paroki SJC, laman web www.ylk.org.my, atau Pejabat Yayasan Lasallian Kuching (YLK). Sila hantar borang permohonan yang lengkap ke Pejabat YLK ATAU emel ke ylkuching@gmail.com sebelum Isnin, **30 Jun**. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Allan Tan: 010-9726135

SESI INISIASI KRISTIAN ORANG DEWASA (IKD) / (RCIA) & PENGUATAN ORANG DEWASA

(2025-2026) akan bermula pada Julai 2025. Jemputan kepada semua orang dewasa yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang keimanan Roman Katolik untuk datang dan menyertai kami. Sesi ini bukan sahaja untuk mereka yang ingin *dibaptiskan* tetapi juga untuk Katolik dewasa yang ingin *membuat persiapan untuk Sakramen Penguatan*.

Pendaftaran bagi pengambilan baharu RCIA & Penguatan Dewasa kini dibuka seperti berikut:

ALIRAN BAHASA INGGERIS

✓ RCIA

✓ Penguatan Dewasa

Tarikh Mula: 3 Julai 2025

Sesi Pembentukan Iman: Setiap Khamis

Masa: 7:30 pm - 9:00 pm

Tempat: Billik Persidangan Sts. John & Lucy, Aras 2, A.C.C.P.C.
(dalam kawasan Katedral St. Joseph)

Pautan Pendaftaran: <https://forms.gle/Yd8RktBpEEC6hNo18>



ALIRAN BAHASA MANDARAIN

✓ RCIA

✓ Penguatan Dewasa

Tarikh Mula: 3 Julai 2025

Sesi Pembentukan Iman: Setiap Khamis

Masa: 7:30 pm - 9:00 pm

Tempat: Billik St. Matthew, Aras Bawah, Pusat Paroki

Pautan Pendaftaran: <https://forms.gle/P7qucxEcoQhAgiVd7>



ALIRAN BAHASA MALAYSIA & IBAN

✓ IKD

Tarikh Mula: 6 Julai 2025

Sesi Pembentukan Iman: Setiap Ahad

Masa: 1:30 pm - 3:30 pm

Tempat: Aras 2, A.C.C.P.C. (dalam kawasan Katedral St.

Joseph)

Pautan Pendaftaran: <https://forms.gle/xp4WXVeq8wSe3aAt9>



ORGANISE BY : CHINESE LIAISON COMMITTEE, HTC, KENYALANG



INTRODUCTION TO THE GOSPEL OF (Mandarin)

MARK

Read • Connect • Remember — The
Catholic Key to Unlocking the
Gospel of Mark

22.7.2025 (TUE)

GOOD SHEPHERD HALL, HOLY TRINITY CHURCH

8am - 5pm

SPEAKER: ANGELINE CHNG



REGISTRATION FEE

RM50

INCLUDES LUNCH, REFRESHMENTS & A COPY OF
《THE GOSPEL OF MARK SCRIPTURE WORKBOOK》



SCAN TO REGISTER



REGISTRATION CLOSING DATE: 15.7.2025

For inquiries, please contact:

+60 16-878 1502 Rachel Teo

+60 13-822 9603 Vivian Teo

“PENGENALAN KEPADA INJIL MARKUS” adalah program katekese dalam Mandarin yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perhubungan Cina HTC pada Selasa, **22 Julai, 8:00 am hingga 5:00 pm** di Dewan Gembala Baik, Gereja Holy Trinity, Kenyalang, untuk meneroka Injil Markus menggunakan pendekatan **“Baca-Sambung-Ingat”** yang dikendalikan oleh penceramah, Cik Angeline Chng. Program ini direka untuk membantu peserta dalam membaca, memahami, dan mengingat Kitab Suci dengan lebih berkesan, serta membuka khazanah Firman Tuhan.

Mereka yang berminat boleh mendaftar melalui kod QR yang disediakan. Yuran pendaftaran sebanyak RM50 seorang akan dikenakan untuk menampung kos makanan dan bahan kerja buku. Tarikh tutup pendaftaran adalah pada Selasa, **15 Julai**. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Rachel Teo: 016-8781502 atau Vivian Teo: 013-8229603. Semua dijemput hadir!



PROMOSI PANGGILAN: HUJUNG MINGGU ARAH HIDUP 2025 dengan tema: **"Apa yang kamu ingin aku lakukan untukmu"** (Markus 10:51) akan dianjurkan dari **22^{hb} hingga 23^{hb} November** di Gereja Katolik St. John de Brebeuf, Kampung Tematu untuk **peserta yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang kehidupan paderi atau kehidupan religus**. Sila daftar dengan Paderi Paroki masing-masing sebelum hari Ahad, **2^{hb} November**. Yuran komitmen adalah RM30 seorang.

Berikut adalah beberapa kriteria untuk peserta yang berminat:

- ✓ Lelaki atau perempuan berumur 18 tahun ke atas
- ✓ Bujang & belum pernah berkahwin
- ✓ Lulusan sekolah atau dewasa muda yang bekerja
- ✓ Telah menerima Sakramen Pembaptisan & Pengesahan
- ✓ Kristian yang komited dan bersedia untuk meneroka dan menjalani panggilan Allah.

CHOICE ENGLISH WEEKEND 40

18 - 20 JULY 2025



**ST LUKAS CENTRE
KOTA PADAWAN**



CONTACT

JANE - 012 884 2363

ADELINE - 013 827 0311



@CHOICEKCH



**A RETREAT FOR
SINGLE WORKING ADULTS
AGED 21 -45**

REGISTER NOW!

@ RM160



CLOSING DATE : 15.06.25

HUJUNG MINGGU CHOICE BM 2

5 - 7 SEPT 2025



**ST LUKAS CENTRE
KOTA PADAWAN**



SILA HUBUNGI

PRESCILLA - 016 855 0214

ADELINE - 013 827 0311



@CHOICEKCH



**PROGRAM UNTUK BELIA
YANG BERKERJA & BELUM
BERKAHWIN BERUMUR 21-45**

YURAN PENDAFTARAN

@ RM160



TARIKH TUTUP : 04.08.25

HUJUNG MINGGU CHOICE (program khas bagi orang dewasa bekerja bujang berumur antara 21 - 45 tahun) akan diadakan di Pusat St. Lukas, Kota Padawan dari 18 - 20 Julai dalam Inggeris dan dari 5 - 7 September dalam Bahasa Malaysia.

Borang pendaftaran boleh didapati di <https://sites.google.com/view/choicekuching> atau dari kod QR disediakan. Tarikh tutup pendaftaran adalah Isnin, 16 Jun 2025 bagi Bahasa Inggeris dan Isnin, 4 Ogos 2025 bagi Bahasa Malaysia. Semua orang dewasa bekerja bujang dijemput untuk menyertai hujung minggu ini.



SJC COUNSELLING CENTRE

Ground Floor, Parish Centre, St. Joseph's Cathedral
Compound, Batu 1, Jalan Tun Abang Haji Openg, 93000
Kuching, Sarawak, Malaysia.

Operating hours:

Monday - Friday : 8.00 am - 12.00 noon

2.00 pm - 5.00 pm

Saturday : 8.00 am - 12.00 noon

OUR SERVICES:



**Individual
Counselling**



**Family
Counselling**

**Couple
Counselling**



**Group
Counselling**



To schedule an appointment, please contact:



082 258 046



018 353 9799 (Kimberly) , 018 252 9899 (Nelly)



sjckch.counsellor@gmail.com

The centre is closed on Sundays, Public Holidays & Church Holy Days of Obligation.
Love-offerings for the church will be collected from clients.

PUSAT KAUNSELING SJC juga menjalankan kumpulan sokongan untuk:

- Pesakit kanser yang telah pulih dan penjaga mereka
- Kesedihan, kehilangan, dan trauma



KUCHING CATHOLIC CEMETERIES AND COLUMBARIA SERVICES

It all starts with charity.

Seeking your generous and kind contribution to maintain and improve the facilities within the compound of all our cemeteries.

The Custodian
Rev. Fr Vincent Chin



TO DONATE

ONLINE TRANSFER

The Archbishop of Kuching
Maybank Account

No.: 5112 5200 0808

- Remark "For KCCCS"
- WhatsApp to 016-8899237
proof of transfer if you need receipt.

OR

Drop KCCCS envelopes into the collection bags during weekend masses at any parish in the Archdiocese.



APPEAL FOR DONATION

RAYUAN UNTUK DERMA KE PERKHIDMATAN KUBUR DAN KOLUMBARIUM KATOLIK KUCHING (KCCCS) - Penjaga KCCCS merayu untuk derma yang murah hati daripada anda bagi penyelenggaraan dan pemeliharaan kubur Katolik kita serta peningkatan kemudahan yang ada. Sila sokong!

PELEKAT KOD QR S PAY GLOBAL / SARAWAK PAY pada bangku Gereja disediakan untuk kemudahan para umat dan juga untuk memudahkan kutipan derma semasa Misa hujung minggu. Malangnya, pelekat ini sering perlu diganti kerana didapati terkoyak atau rosak. Kami memohon agar ibu bapa memastikan anak-anak kecil tidak main, koyak atau lukis di atas pelekat ini.



THE ARCHDIOCESE OF KUCHING
INVITES YOU TO SUPPORT THE



BUNAN RESILIENCE PROJECT

Join the Bunan Resilience Project and savour the flavours of nature's bounty! Together, let us help our local farmers build economic resilience against external threats and the challenges of climate change.

Embrace fresh, homegrown delights while uplifting an entire community!

参与布南韧性项目，品尝大自然的恩赐。让我们一起支持我们的农民，建设经济复原能力来抵抗外部威胁和无常的气候。享受本土新鲜种植蔬果，提升社区经济效益。



Sertai Projek Daya Tahan Bunan dan nikmati kebaikan hasil alam semula jadi! Marilah bersama membantu para pekebun tempatan membina keteguhan ekonomi terhadap ancaman luar dan cabaran perubahan iklim.

Nikmatilah hasil tanaman tempatan yang segar sambil membangunkan seluruh komuniti!

www.kuchingcjc.com

PROJEK DAYA TAHAN BUNAN merupakan projek perintis Keuskupan Agung Kuching untuk menyokong petani Bunan dengan memasarkan hasil mereka di Kuching. Dengan berbuat demikian, kami membantu mereka untuk kekal berdaya tahan dari segi ekonomi dalam menghadapi ketidakpastian yang semakin meningkat. Lawati <https://kuchingcjc.com/> dan pesan produk segar tempatan untuk keluarga anda sambil menyokong seluruh komuniti!

Pesanan yang diterima sebelum tengah hari Khamis setiap minggu boleh dikutip pada pagi Sabtu sama ada di Tempat letak kereta A.C.C.P.C. (tapak Katedral St. Joseph) ATAU Gereja Holy Trinity, Kenyalang. Bayaran adalah secara tunai semasa pengambilan. Pada masa hadapan, kami harap dapat mewujudkan lebih banyak pusat pengambilan di paroki-paroki lain. **Ayuh sokong Projek Daya Tahan Bunan HARI INI!**

WAKTU OPERASI

Pejabat Gereja	Pejabat Paroki SJC	Pejabat Kateketikal SJC	Perpustakaan & Galeri Sejarah Keuskupan Agung
Isnin - Jumaat	8:00 am - 12:00 tgh hri, 2:00 pm - 5:00 pm	8:00 am - 12:00 tgh hri, 2:00 pm - 5:00 pm	9:00 am - 12:00 tgh hri, 1:30 pm - 5:30 pm
Sabtu	8:00 am - 12:00 tgh hri, 2:00 pm - 4:30 pm	8:00 am - 12:00 tgh hri	2:00 pm - 6:00 pm
No. Telefon	082-423424 / 423425 (Kakitangan Pejabat Paroki: Annie / Joanna) WhatsApp: 082-423424 ATAU layari https://wa.me/6082423424 Emel: sjcoffice@yahoo.com.my	082-412650 (Kakitangan Pejabat Kateketikal: Sarah / Ronita / Angeline) WhatsApp: 082-412650 Emel: sjckch.faithformation@gmail.com	082-420802 (Kakitangan Perpustakaan: Olivia Inoi)

Nota:

- Semua pejabat di atas ditutup pada Ahad, Cuti Umum & Hari Kewajipan Suci Gereja.
- Untuk panggilan sakit selepas waktu pejabat, sila hubungi 016-8922633.

PUSAT 'HOLY CROSS' (bertempat di No. 681, Lorong 1, Jalan Bayor Bukit, Tabuan Jaya, 93350 Kuching. Tel.: 082 363945) dibuka **setiap Isnin, Selasa dan Rabu dari 9:30 am hingga 12:30 pm**. 'Pray over' dan konsultasi akan diadakan di kawasan anjung. *Pusat ditutup pada hari kelepasan am, hari perayaan Gereja utama atau bila dimaklumkan.* 'Fellowship' mingguan Ministri 'Holy Cross' diadakan setiap Selasa 7:30 pm hingga 9:00 pm di Dewan Persidangan Sts. John & Lucy, Aras 2, A.C.C.P.C. (kecuali hari kelepasan am).

JADUAL MISA HARIAN & SAAT TEDUH (HOLY HOUR)

Tempat	Misa harian	Saat Teduh (Holy Hour)
Chapel Carmelite	Isnin - Sabtu, 7:00 am (Inggeris)	Jumaat, 7:30pm (Inggeris)
'Day Chapel', Katedral St. Joseph	Isnin - Jumaat, 5:30 pm (Inggeris)	-

JADUAL MISA Hujung MINGGU

Tempat	Hari	Masa	Bahasa	Catatan
Katedral St. Joseph	Sabtu	6:00 pm	Inggeris	• Tempat letak kereta di hadapan Katedral DIKHASKAN untuk kereta yang membawa penumpang warga tua, khususnya mereka yang memerlukan bantuan khas dan mempunyai kesukaran untuk berjalan. • Selepas Misa tamat, pagar belakang menghala ke 'Sarawak Club' akan dibuka untuk kereta keluar dari perkarangan Katedral.
	Ahad	7:00 am*	Inggeris	
		9:00 am*	Mandarin	
		11:00 am*	Malaysia	
		5:00 pm	Inggeris	
Chapel Carmelite	Ahad	8:00 am	Inggeris	

***Misa siaran langsung**

Sila layari <https://www.facebook.com/arch.kuching>

PERINGATAN AM

Umat paroki diingatkan untuk menunjukkan rasa hormat kepada Tuhan dan memberi pertimbangan terhadap orang lain seperti berikut. Kami memohon kerjasama dan pemahaman anda supaya kita semua dapat beribadat dengan selesa sebagai sebuah Gereja:

- Sila **datang awal** dan berada di tempat duduk sekurang-kurangnya 10 minit sebelum Misa bermula untuk mengelakkan sebarang gangguan.
- Kesucian perayaan Ekaristi menggesa semua umat untuk **berpakaian sopan** apabila memasuki Gereja untuk Misa Kudus dan menunjukkan keikhlasan tentang apa yang kita buat sebagai sebuah komuniti yang beribadah.
- **Pemakaian pelitup muka** di Gereja tidak lagi diwajibkan tetapi **sangat digalakkan**, terutamanya dalam persekitaran yang sesak dan tertutup.
- **Mereka yang sakit** dengan simptom-simptom seperti selesema (cth. demam, batuk, hidung berair, dsb.) hendaklah berhemah dan **tidak menyertai aktiviti di Gereja**.

PROPER ATTIRE



T-SHIRT OR
LONG SLEEVES



BLOUSE WITH SLEEVES



POLO SHIRT
OR COLLARED SHIRT



KNEE-LENGTH DRESS
WITH SLEEVES



JEANS OR SLACKS



KNEE-LENGTH SKIRTS



SHOES

IMPROPER ATTIRE



SLEEVELESS AND
PLUNGING NECKLINES



TUBES AND
RACERBACKS



SINGLETS



SHORT SKIRTS



SHORTS



CAP



SLIPPERS

KUTIPAN MINGGUAN MISA DAN DERMA

Umat paroki digalakkan menyumbang setiap minggu untuk membantu membiayai kos operasi dan penyelenggaraan Katedral.

Sila berikan sumbangan anda melalui **S Pay Global** dengan mengimbas kod QR ini. Sahkan bahawa penerima ialah '**St. Joseph's Cathedral**' sebelum pemindahan dilakukan.

Umat paroki juga boleh masukkan sumbangan mingguan mereka ke dalam Kotak Kutipan kayu besar yang diletakkan di pintu masuk Katedral ATAU lakukan **pindahan dalam talian** atau **deposit tunai** kepada Akaun Bank Katedral St. Joseph seperti berikut:



St. Joseph's Cathedral

Archbishop of Kuching Saint Josephs Cathedral

Nombor Akaun Maybank Bhd: 511038613081



PENGAKUAN DOSA - Paderi akan berada di Chapel Blessed Sacrament setengah jam sebelum Misa-misa Senja dan Hari Minggu untuk mendengar pengakuan dosa. Sila kekalkan penjarakan fizikal dan jangan berkumpul di kawasan sekeliling sambil menunggu giliran anda untuk membuat pengakuan dosa.

Sila patuhi SOP di bawah. Peniten dikehendaki untuk:

- ☒ Pakai pelitup muka pada setiap masa jika sakit atau mempunyai gejala seperti selesema.
- ☒ Sedia membuat pengakuan dosa tanpa berlengah-lengah.
- ☒ Buat penitensi selepas kembali ke tempat duduk di dalam Gereja.

NOVENA KEPADA BONDA PENOLONG ABADI diadakan pada **setiap Sabtu, 5:00 pm** sebelum Misa Bahasa Inggeris pada 6:00 pm di Katedral St. Joseph. Semua dijemput hadir. Bagi umat yang hanya menghadiri Novena, dikehendaki untuk duduk di loteng bertentangan dengan Koir. Para umat boleh menghantarkan permohonan atau doa kesyukuran secara dalam talian melalui borang google di <https://forms.gle/oTqtZMQsr1hC5PD6>.

'ONLINE CALVARY HOUR OF MERCY'

Hari	Bahasa	Masa	Pautan Zoom
Ahad	Inggeris	2:55 pm - 4:00 pm	https://us02web.zoom.us/j/86178307498?pwd=UVZ6MTdJSmRyeDZwUTMweC95UFBDdz09 Meeting ID: 861 7830 7498 Passcode: prayhour
Isnin	Inggeris		
Selasa	Mandarin		



3 O'CLOCK

THE HOUR OF GREAT MERCY

**YOU are invited to our
Daily Devotion to
THE DIVINE MERCY**

Time: 3pm

Venue: Day Chapel, St. Joseph's Cathedral

DIVINE MERCY PROMISES

**"...you can obtain everything
for yourself and for others for
the asking;
it was the hour of grace
for the whole world."**

**"... Through the CHAPLET
you will obtain everything,
if what you ask for is
compatible with My will."**



**"By means of this IMAGE I shall grant many
graces to souls. It is to be a reminder of the
demands of My mercy, because even the
strongest faith is of no avail without works."**

**"Tell me about everything, be sincere in dealing
with Me, reveal all the wounds of your heart.
I will heal them, and your suffering will become a
source of your sanctification.**

A suffering soul is closest to My Heart."



~ 耶稣我信赖祢 ~

华语 上主慈悲敬礼



每逢周六下午三时正
于
圣若瑟堂区中心二楼
圣母玛利亚祈祷室

欢迎教友们踊跃参加

DEVOSI 'DIVINE MERCY' DALAM BAHASA MANDARIN diadakan setiap Sabtu, 3:00 pm di 'Mother Mary Prayer Room', Tingkat 1, Pusat Paroki. Semua dijemput hadir!

SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN KURANG BERNASIB

BAIK - Sila teruskan membantu 'Catholic Welfare Services' secara kewangan dalam pelayanan kita kepada golongan miskin dan yang memerlukan di dalam masyarakat kita tanpa mengira bangsa atau kepercayaan. Anda menderma melalui **S Pay Global** dengan mengimbas QR kod di sini. Sahkan bahawa penerima ialah 'Catholic Welfare Services' sebelum pemindahan dilakukan. Dermaan juga boleh dibuat melalui **pemindahan dalam talian atau deposit tunai** kepada akaun berikut:



Catholic Welfare Services

Catholic Welfare Services Council Sarawak
Nombor Akaun Maybank Bhd: 511234019806

Sila hubungi atau WhatsApp **Cik Angelina William** Hp: 010-6581641 / Tel: 082-241407 setelah anda membuat sumbangan. Resit pengecualian cukai akan dikeluarkan kepada penderma atas permintaan.

PEMBAPTISAN BAYI diadakan dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia di Katedral. Para ibu bapa yang ingin membaptiskan bayi mereka perlu membuat pendaftaran secara dalam talian di <https://forms.gle/ZjZiWzERHGrMgYN87> dan muat naikan semua salinan dokumen yang disenaraikan seperti berikut:

Ibu bapa	Sponsor (Wali)
✓ Sijil Kelahiran atau Sijil Anak Angkat anak anda ✓ MyKid (jika ada) ✓ Buku Rekod Keluarga	✓ MyKad (atau Pasport) ✓ Sijil Pembaptisan ✓ Sijil Penguatan ✓ Buku Rekod Keluarga atau Sijil Perkahwinan (dikeluarkan oleh Gereja Katolik)

Hanya Ibu bapa yang telah menghantar dokumen tersenarai seperti di atas dengan lengkap sahaja akan diterima dan Pejabat Paroki akan memberitahu anda masa dan tempat untuk menghadiri Perayaan Sakramen Pembaptisan. Anda kemudiannya diminta untuk menyerahkan Buku Rekod Keluarga asal untuk tujuan pengemaskinian sebelum hari pembaptisan.

Menurut Kod Undang-undang Kanun Gereja Katolik # 874, seorang Sponsor (Wali) mesti telah menerima Sakramen Pembaptisan, Penguatan dan pengamal Katolik. Jika sudah berkahwin, perkahwinannya telah diberkati di Gereja Katolik. (Ini tidak tertakluk kepada mereka yang bukan Katolik [kedua suami isteri] pada masa perkahwinan sivil).

KEDAI JUALAN AMAL SSVP dibuka **setiap Ahad** dari **10:00 am hingga 1:00 pm**. Semua hasil penjualan akan diberikan kepada mereka yang miskin dan memerlukan. Sila berikan sokongan!

PERINGATAN KEPADA SEMUA PENYUMBANG

Sila sumbangkan barangan dan pakaian yang dalam **keadaan baik** dan **boleh dijual** kepada Kedai Kitar Semula SSV. Pengertian dan kerjasama anda amat dihargai.

RAYUAN DERMA DARAH HOSPITAL UMUM SARAWAK (HUS) - Umat paroki digalakkan untuk menderma darah di **Tabung Darah HUS, Isnin hingga Jumaat, 7:30 am hingga 4:00 pm**. Untuk pertanyaan, sila hubungi Tabung Darah HUS, No. Tel.: 082-276797 atau 010-8578909 (En. Borhan).



Diving into the beauty of the Faith has never been easier: at home, on the go, or from any internet connected device.

Discover thousands of books, audio talks, movies, documentaries, and studies... there is something for every member of the family to help them grow closer to Christ and His Church.



Over 4,000 titles - now available on almost any device!

Roku

Apple TV



Dozens of new features - all to help you enjoy the best in Catholic content

Already have a FORMED Account?

1. Visit FORMED.org
2. Click Sign In
3. Enter your email
4. Click the link in your email
5. You're in! No more passwords!

Registering on FORMED is easier than ever!

1. Go to FORMED.org/signup
2. Enter your parish zip code or name to select your parish
3. Enter your name and email

Zip kod: 93000

Paroki: Archdiocesan Curia and Cathedral Pastoral Centre

Visit **FORMED.org** or search for "Formed" on your favorite app store

FORMED: SUMBER IMAN KATOLIK DALAM TALIAN PERCUMA - Sila rujuk ke atas untuk cara-cara mendaftar secara percuma di FORMED.org/signup dan muat turun Aplikasi **FORMED** ke telefon anda di mana anda boleh mendapat akses kepada ceramah audio Katolik terbaik, filem Kristian, e-buku dan program pengajian di hujung jari anda untuk membantu anda pertingkatkan iman anda, dalam hubungan kekeluargaan, mencari kedamaian yang lebih mendalam dengan Tuhan dan berkongsi kepercayaan anda dengan orang lain.